

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DR. KO CHUNG SEN
(KAMPAR)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 27.03.2017

Y.B. DR. KO CHUNG SEN [KAMPAR] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan :-

- (a) jumlah kos projek LRT apabila ianya selesai dan bagaimanakah keseluruhan projek ini dibiayai ; dan
- (b) bagaimanakah kos ini dapat diperolehi semula.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini kos pembinaan projek LRT3 dianggarkan berjumlah RM9 bilion. Kos ini tidak termasuk kos pengambilan semula tanah, fi Rakan Penyampaian Projek (*Project Delivery Partner - PDP*) dan lain-lain kos operasi.

Memandangkan status projek masih di peringkat awal, jumlah kos projek masih belum dapat dimuktamadkan. Kos ini akan dibiayai oleh Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana), syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) melalui penerbitan sukuk.

Untuk makluman Tuan Yang Dipertua, pada masa ini kos untuk membayar semula pembiayaan pembangunan infrastruktur dan sistem pengangkutan awam ditampung melalui dua sumber utama iaitu melalui sumber pendapatan tambang (*fare revenue*) dan sumber bukan-tambang (*non-fare revenue*) seperti penyewaan ruang pengiklanan di stesen-stesen dan kenderaan pengangkutan awam, penyewaan tapak-tapak perniagaan di kawasan stesen dan pembangunan harta tanah di kawasan yang berhampiran stesen (*Transit-Oriented Development*).

Namun, perlu juga diingatkan bahawa pembangunan dan penyediaan sistem pengangkutan awam yang cekap adalah satu usaha berterusan dan Kerajaan akan terus memberikan komitmen sepenuhnya bagi memastikan infrastruktur dan perkhidmatan pengangkutan awam yang cekap dengan kadar tambang yang berpatutan bagi meningkatkan kualiti hidup dan produktiviti rakyat, seterusnya menjana pembangunan ekonomi negara.

SOALAN NO.38

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN CHONG CHIENG JEN
[BANDAR KUCHING]

TARIKH : 27 MAC 2017

SOALAN :

YB Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pendirian Kerajaan Persekutuan atas Akta Laut Wilayah 2012 yang telah dianggap sebagai satu pelanggaran Perlembagaan Persekutuan oleh Kerajaan Negeri Sarawak kerana ia mengubah sempadan wilayah negeri Sarawak tanpa persetujuan Dewan Undangan Negeri Sarawak.

JAWAPAN: **YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Laut Wilayah 2012 telah digubal memandangkan tiada undang-undang Persekutuan lain yang menetapkan lebar laut Wilayah Malaysia selain daripada Ordinan No. 7 1969 yang telah berhenti berkuatkuasa setelah proklamasi darurat diungkai.

Sekian, terima kasih.